

11 MAY 2004

Mahathir-PBB

MAHATHIR: TIDAK ADA ORDER BARU DUNIA

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Order Baru Dunia tidak wujud hari ini, hanya Order Lama Dunia dengan kuasa besar itu sentiasa benar dan kejahatan menguasai segala-galanya.

Demikian mesej Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Kelab Diners Kolej Staf Angkatan Tentera di sini malam ini.

Dalam ucapannya yang bertajuk "Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan Order Baru Dunia", bekas perdana menteri itu berkata PBB gagal berkhidmat kepada negara-negara anggota dan membantu membetulkan kesilapan yang berlaku kepada orang yang tidak berdosa.

"Ia (PBB) telah diculik oleh beberapa negara untuk memenuhi kehendak mereka atau jika beberapa negara ini tidak dapat berbuat demikian, PBB diketepikan atau tidak diendahkan." katanya kepada 150 penuntut, termasuk 31 pegawai dari 26 negara yang mengikuti pengajian peringkat diploma dalam pertahanan strategik di Kolej Staf Angkatan Tentera Malaysia.

Sebagai contoh, Dr Mahathir berkata dua anggota pengasas PBB Amerika Syarikat dan United Kingdom, memutuskan "untuk tidak menghiraukan langsung PBB dan menyerah Iraq atas alasan ancaman Iraq untuk menggunakan senjata pemusnah besar-besaran terhadap Britain dalam tempoh 45 minit setelah perintah dikeluarkan oleh Saddam Hussein."

Dr Mahathir memberi amaran bahawa jika Amerika Syarikat dan negara sekutunya berjaya menukar regim di Iraq menggunakan kekuatan tentera, pada masa depan "Amerika Syarikat dan negara sekutu, terutama imperialis seperti Britain, akan sibuk menakluk negara lain satu demi satu untuk menukar rejim."

Dalam kes ini, katanya "PBB tidak lagi relevan."

Mengenai peperangan di Palestin sejak 1948, Dr Mahathir menjelaskan bahawa Palestin cuba mendapatkan semula tanah mereka dengan membuat rayuan

di peringkat dunia, kepada PBB."

"Rayuan mereka tidak diendahkan," katanya dan dengan itu negara-negara Arab melancarkan perang konvensional.

Mereka gagal dan Israel mengusir rakyat Palestin dari tanah yang mereka duduki.

"Israel yakin ia boleh menewaskan Palestin dengan mengganas terhadap rakyat Palestin," kata Dr Mahathir.

"Sehingga dunia memperakui tidak ada perbezaan sebenar antara keganasan konvensional dan bukan konvensional, tidak akan wujud keamanan di dunia," katanya.

"Hanya PBB yang demokratik sahaja boleh menyelesaikan masalah dengan keadilan dan kesaksamaan dan menamatkan segala bentuk keganasan," kata Dr Mahathir.

Dan memandangkan kuasa-kuasa besar telah mengetepikan pentingnya PBB, beliau berkata: "Mereka yang mesti mengubah diri dan mematuhi resolusi PBB mengenai konflik menerusi meja rundingan."

Menjawab soalan selepas ucapannya itu, Dr MAhathir berkata beliau tidak mahu menjadi Setiausaha PBB kerana "tidak mahu berada di bawah telunjuk orang lain dan tidak dapat melakukan sesuatu kerana lima anggota tetap (majlis keselamatan" tidak akan mendengar kata-kata anda,"

Antara tetamu pada majlis itu ialah Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Zainal Abidin Zin, Panglima Angkatan Tentera Jen. Tan Sri Mohd. Zahidi Haji Zainuddin serta Komandan Kolej Staf Angkatan Tentera Brig. Jen Datuk Jamil Rais Abdullah.

-- BERNAMA
SOM MUN LAT